

# TERMINAL KETIGA DI PELABUHAN KLANG

---



Utusan Malaysia  
Selasa, 25 Februari 2014

KLANG 24 Feb. - Kerajaan akan membina sebuah lagi terminal pelabuhan di Pelabuhan Klang dipercayai terbesar dalam negara sebagai usaha untuk menampung permintaan perdagangan yang semakin meningkat setiap tahun.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi berkata, terminal ketiga di Pelabuhan Klang itu lebih besar daripada dua terminal sebelum ini yang mana boleh menampung sehingga 30 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) kontena setiap tahun. Katanya, terminal Westport dan Northport di Pelabuhan Klang kini hanya mampu menampung kira-kira 10 juta TEU kontena setiap tahun.

“Pelabuhan Klang juga adalah pelabuhan ke-12 tersibuk di dunia dengan permintaan perdagangan turut meningkat setiap tahun. “Perniagaan negara juga 90 petatus bergantung kepada laluan laut dan adalah wajar satu lagi terminal dibina di negara ini,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan dermaga baharu Northport di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi NCB Holdings Berhad, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Pengerusi Northport, Tan Sri Wan Abdul Rahman Wan Yaacob dan Ketua Pegawai Eksekutif Northport, Abi Sofian Abdul Hamid. Pembinaan dermaga baharu oleh Northport yang melibatkan kos pelaburan sebanyak RM350 juta itu dijangka meningkatkan jumlah pengendalian kontena pengendali terminal pelabuhan itu kepada 3.4 juta TEU tahun ini berbanding 2.89 juta pada tahun lalu.

Dermaga yang dikenali sebagai Dermaga 8A itu telah memulakan operasinya pada Disember lalu dan berupaya menampung kapal besar dengan ‘draft’ sedalam sehingga 17meter untuk berlabuh. Pada perkembangan berkaitan; Abdul Aziz bagaimanapun berkata, lokasi spesifik terminal baharu itu masih lagi dalam tahap kajian tetapi yang pastinya akan dibina di kawasan Pelabuhan Klang.

“Keluasan serta kos pembinaan juga masih lagi belum diputuskan dan kerajaan hanya akan memuktamadkannya pada tahun depan,” ujarnya.

Beliau dalam pada itu turut menggesa terminal-terminal pelabuhan meningkatkan perkhidmatan mereka supaya lebih cekap dan efisien dalam usaha untuk bersaing dengan terminal pelabuhan di rantau ini. “Pelabuhan di China dan Indonesia kini giat meningkatkan perkhidmatan mereka dan untuk bersaing, kita juga perlu melakukan perkara sama, selain menawarkan kemudahan baharu,” katanya.